

SULIT



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PELAJARAN KELANTAN

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL LATIH TUBI**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

5226/2

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

SET 1

**PERATURAN PEMARKAHAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

SULIT

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Skema Tasawwur Islam Kertas 2 SET 1 2013

No			Skema	Markah												
1	a	i	Uluhiyyah ialah - Mengakui bahawa Allah Yang Esa yang layak disembah,ditaati dan dipatuhi secara mutlak	1 isi x 2 markah (2 markah)												
		ii	Konsep Uluhiyyah : P1 --Mengakui hanya Allah s.w.t. yang layak disembah dan ditaati P2 --Paksi utama keimanan kepada tauhid Uluhiyyah ialah Kalimah Syahadah P3 - Orang yang tidak beriman kepada tauhid Uluhiyyah menjadi sesat.	2 isi x 2 markah (4 markah)												
		iii	2 perbezaan orang yang beragama dengan tidak beragama <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Beragama</th> <th style="width: 50%;">Tidak beragama</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sentiasa redha dengan ketentuan daripada Allah</td> <td>Berasa keluh-kesah,kecewa,putus asa, dan akhirnya melakukan kemudharatan kepada diri</td> </tr> <tr> <td>Melakukan sesuatu dengan ikhlas untuk memperolehi ganjaran daripada Allah s.w.t.</td> <td>Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan mengharapkan pujian serta sanjungan daripada manusia</td> </tr> <tr> <td>Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara mememanfaatkannya ke jalan Allah s.w.t. seperti berderma</td> <td>Ingkar dengan ketentuan Allah s.w.t. Segala nikmat yang dimiliki hanya untuk kepentingan diri sendiri dan ke arah maksiat.</td> </tr> <tr> <td>Memiliki jiwa yang mantap dan teguh di atas prinsip kebenaran.</td> <td>Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan</td> </tr> <tr> <td>Memiliki kesempurnaan akhlak,menghormati rakan,jiran dan tidak cinta akan dunia.</td> <td>Berakhlak buruk,suka menimbulkan kekacauan,dan bermatlamatkan kehidupan di dunia sahaja.</td> </tr> </tbody> </table>	Beragama	Tidak beragama	Sentiasa redha dengan ketentuan daripada Allah	Berasa keluh-kesah,kecewa,putus asa, dan akhirnya melakukan kemudharatan kepada diri	Melakukan sesuatu dengan ikhlas untuk memperolehi ganjaran daripada Allah s.w.t.	Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan mengharapkan pujian serta sanjungan daripada manusia	Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara mememanfaatkannya ke jalan Allah s.w.t. seperti berderma	Ingkar dengan ketentuan Allah s.w.t. Segala nikmat yang dimiliki hanya untuk kepentingan diri sendiri dan ke arah maksiat.	Memiliki jiwa yang mantap dan teguh di atas prinsip kebenaran.	Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan	Memiliki kesempurnaan akhlak,menghormati rakan,jiran dan tidak cinta akan dunia.	Berakhlak buruk,suka menimbulkan kekacauan,dan bermatlamatkan kehidupan di dunia sahaja.	2 isi x 2 markah (4 markah)
Beragama	Tidak beragama															
Sentiasa redha dengan ketentuan daripada Allah	Berasa keluh-kesah,kecewa,putus asa, dan akhirnya melakukan kemudharatan kepada diri															
Melakukan sesuatu dengan ikhlas untuk memperolehi ganjaran daripada Allah s.w.t.	Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan mengharapkan pujian serta sanjungan daripada manusia															
Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara mememanfaatkannya ke jalan Allah s.w.t. seperti berderma	Ingkar dengan ketentuan Allah s.w.t. Segala nikmat yang dimiliki hanya untuk kepentingan diri sendiri dan ke arah maksiat.															
Memiliki jiwa yang mantap dan teguh di atas prinsip kebenaran.	Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan															
Memiliki kesempurnaan akhlak,menghormati rakan,jiran dan tidak cinta akan dunia.	Berakhlak buruk,suka menimbulkan kekacauan,dan bermatlamatkan kehidupan di dunia sahaja.															
	b	i	Wahyu : - Sesuatu yang disampaikan daripada Allah s.w.t. (1m) kepada para nabi dan rasul-Nya tentang syariat dan hukum (1m) - @ Kalam Allah s.w.t (1m) yang disampaikan kepada para Nabi dan rasul melalui Malaikat Jibril tentang syariat dan hukum sebagai panduan(1m)	1 isi x 2 markah (2 markah)												
		ii	Dua ciri wahyu : P1 -Wahyu datangnye daripada Allah s.w.t. bukannya berita atau arahan yang disampaikan oleh seseorang	2 isi x 2 markah (4 markah)												

			<p>P2 - Wahyu diturunkan kepada para nabi dan rasul dan bukan orang awam</p> <p>P3 - Wahyu disampaikan melalui mimpi yang benar, disebalik tabir atau melalui malaikat Jibril.</p> <p>P4 - Kandungannya merupakan ajaran yang benar dan sesuai diamalkan sepanjang zaman.</p> <p>P5 - Wahyu terpelihara kandungan dan kesuciannya hingga hari kiamat.</p> <p>P6 - Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan rasul</p> <p>P7 - Kebenaran wahyu bersifat mutlak</p>	
	c		<p>2 peranan akal untuk membentuk umat berkualiti:</p> <p>P1 – Memikirkan kekuasaan Allah seperti kejadian manusia.</p> <p>P2 – Memahami perkara-perkara ghaib seperti adanya syurga dan neraka.</p> <p>P3 – Mengetahui hukum agama supaya menjadi hamba yang taat.</p> <p>P4 – Memikirkan pahala dan dosa agar menjadi mukmin hamba yang baik.</p> <p>P5 – Memikirkan kejadian alam seperti memelihara dan memulihara alam ini.</p>	<p>2 isi x 2markah</p> <p>(4 markah)</p>
2	a	i	<p>Maksud syumuliyah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan Allah yang lengkap dan meliputi seluruh aspek kehidupan manusia (1m) di dunia dan akhirat(1m) 	<p>1 isi x 2markah</p> <p>(2 markah)</p>
		ii	Syumuliyah dalam konteks	
			<p>a- Sosial</p> <p>P1 – Manusia hendaklah sentiasa bertolongan dalam perkara kebaikan/bantu-membantu,gotong-royong.</p> <p>P2 - Islam menetapkan peraturan dalam pergaulan</p> <p>P3 - Islam menetapkan perkara halal dan haram</p> <p>P4 - Islam menetapkan adab dalam peperangan</p> <p>P5 - Islam menetapkan perhubungan antarabangsa</p>	<p>1 isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>
			<p>b- Perundangan</p> <p>P1 - Islam menetapkan hukum qisas, hudud untuk keselamatan agama, nyawa, keturunan dan akal</p> <p>P2 - Diharam arak dan dadah untuk jaga kesihatan</p>	<p>1 isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>

			<p>jasmaniah</p> <p>P3 - Diharamkan syirik, khurafat dan bidaah untuk menjaga keturunan</p> <p>P4 - Dilarang berjudi, mencuri, boros dan riba untuk memelihara harta.</p>	
	b	i	<p>2 prinsip murunah</p> <p>P1- Islam agama yang mudah dengan memberi kelonggaran dan kemudahan kepada umat- Nya contoh kewajipan menutup aurat</p> <p>P2 - Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan seperti rukhsah solat.</p>	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>
		ii	<p>3 kelebihan sifat murunah</p> <p>P1 – Menunjukkan sifat tolenrasi dan Islam yang tidak bertentangan dengan Islam</p> <p>P2 – Menarik minat orang Islam untuk memahami ajaran Islam</p> <p>P3 - Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah s.w.t. dengan sempurna</p> <p>P4 - Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini.</p> <p>P5 – Islam memudahkan /menyenangkan umatnya/umat Islam mudah untuk melakukan amalan</p>	<p>3 isi x 2 markah</p> <p>(6 markah)</p>
	C		<p>4 contoh murunah:</p> <p>P1 – Pakaian berfesyen dengan syarat menutup aurat</p> <p>P2 – Rukhsah dalam solat/ccontoh</p> <p>P3 – Rukhsah dalam puasa /contoh</p> <p>P3 – Rukhsah dalam haji/ccontoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • contoh tanpa huraian (1 markah) • Pakaian menutup aurat (x) – bukan murunah 	<p>4 isi x 1 markah</p> <p>(4 markah)</p>
3	a	i	<p>Pengertian Negara Islam</p> <p>- Negara yang menjalankan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Qur'an, Hadis serta ijtihad yang benar</p>	<p>1 isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>
		ii	<p>3 ciri Negara Islam</p>	<p>3 isi x 2 markah</p>

		<p>P1 – Berdasarkan al-Qur'an dan Hadis</p> <p>P2 - Melaksanakan amar makruf /nahi mungkar</p> <p>P3 - Mewujudkan keamanan / kesejahteraan / keharmonian</p> <p>P4 - Jaminan keamanan / kesejahteraan / keharmonian</p> <p>P5 - Jaminan kebebasan hak asasi</p> <p>P6 - Ketua Negara yang adil /beriman/kekalkan keadilan/ kehakiman adil/ beragama Islam</p> <p>P7 - Majlis Syura sebagai asas pemerintahan</p> <p>P8 - Melaksanakan perundangan Islam / hudud</p> <p>P9 – Melaksanakan sistem pentadbiran Islam</p>	(6 markah)	
	b	<p>4 ciri khalifah Islam:</p> <p>P1 – Taqwa kepada Allah S.A.W. /beriman</p> <p>P2 – Islam</p> <p>P3 – Amanah/jujur menjalankan tugas</p> <p>P4 – Berakhlak mulia / zuhud,tabah,qanaah</p> <p>P5 – Mempunyai ilmu yang banyak/bijaksana/ilmuan Islam/ulama'/cendekiawan</p> <p>P6 – Lelaki</p> <p>P7 – Bersifat adil</p> <p>P8 – Sempurna pancaindera/tiada cacat</p> <p>P9 – Sihat tubuh badan</p> <p>P10 – Mempunyai keberanian menegakkan kebenaran /berani/tegas/cekal/jiwa kental</p> <p>P11 – Daripada keturunan yang baik</p> <p>P12 – Berfikiran jauh</p> <p>* Berfikiran terbuka (x)</p>	<p>4 isi x 1markah</p> <p>(4 markah)</p>	
	c	i	<p>2 matlamat kehakiman Islam :</p> <p>P1 – Melaksanakan tuntutan syariat Islam berdasarkan Al-Qur'an dan Hadis</p> <p>P2 – Menegakkan keadilan undang-undang untuk memutuskan sesuatu hukuman itu secara adil dan saksama</p> <p>P3 – Menentang kezaliman/penindasan terhadap sesama lapisan masyarakat</p> <p>P4 – Membela golongan yang dizalimi/golongan yang lemah</p> <p>P5 – Mewujudkan kesejahteraan / keharmonian rakyat</p> <p>* Menjaga kesejahteraan (x)</p>	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>

		ii	<p>2 etika kehakiman :</p> <p>P1 – Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samaada pendakwa atau tertuduh</p> <p>P2 – Hakim hendaklah jujur dan amanah dalam tugasnya</p> <p>P3 – Tidak boleh menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya</p> <p>P4 - Tidak boleh mensabitkan kesalahan jika ada keraguan samada dari segi pengakuan,kesaksian dan pembuktian.</p>	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>
4	a		<p>3 cara memanfaatkan wang :</p> <p>P1 – Membeli keperluan pembelanjaan seperti membeli alat tulis/alat belajar/ buku</p> <p>P2 – Membayar yuran kelas tambahan untuk meringankan beban ibu bapa</p> <p>P3 – Membeli makanan/minuman semasa rehat</p> <p>P4 – Mengeluarkan derma/sedekah kepada yang memerlukan dengan ikhlas</p> <p>P5 – Menabung untuk masa depan/simpan duit</p> <ul style="list-style-type: none"> • melabur (x) • membeli benda-benda berfaedah (x) 	<p>3 isi x 2 markah</p> <p>(6 markah)</p>
	b		<p>Mudharabah</p> <p>- Perkongsian antara pelabur dan pengusaha(untung dibincang dan disetujui bersama.</p>	<p>1isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>
			<p>Al-Murabahah</p> <p>- Penjual bersetuju jual kepada pembeli dengan ditambah keuntungan yang diketahui dan dipersetujui kedua-duanya</p>	<p>1 isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>
	c		<p>3 syarat mencari harta supaya diterima menjadi ibadat :</p> <p>P1 – Niat ikhlas kerana Allah</p> <p>P2 – Tidak meninggalkan ibadat kepada Allah/lalai/leka</p> <p>P3 – Dengan cara yang halal/mengikut syariat Islam</p> <p>P4 – Harta yang dicari adalah halal / suci</p> <p>P5 – Berusaha dengan tekun /ikhlas/sabar/bersungguh-sungguh</p> <p>P6 – Tidak mengganggu hak orang lain/ menindas/ mencuri/mencabul/monopoli/manipulasi</p>	<p>3 isi x 2 markah</p> <p>(6 markah)</p>

	d		<p>Dua perbezaan muamalah Islam dengan muamalah konvensional.:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Muamalah Islam</th> <th>Muamalah Konvensional</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tiada unsur-unsur riba dan penindasan</td> <td>Berasaskan unsur-unsur riba dan penindasan</td> </tr> <tr> <td>Melaksanakan syariat Islam dalam urusan perniagaan</td> <td>Melaksanakan sistem ekonomi dan kewangan berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis</td> </tr> <tr> <td>Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan kepada masyarakat seperti bersedekah, menderma dan sebagainya</td> <td>Lebih mengutamakan sematamata dan mengabaikan tanggungjawab sosial</td> </tr> <tr> <td>Cara mendapatkan harta melalui muamalah Islam mestilah dengan cara yang halal dan sah di sisi hukum syarak</td> <td>Usaha mendapatkan harta dilaksanakan dengan pelbagai cara tanpa mengira halal dan haram</td> </tr> <tr> <td>Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.</td> <td>Menjadikan harta sebagai matlamat hidup.</td> </tr> </tbody> </table>	Muamalah Islam	Muamalah Konvensional	Tiada unsur-unsur riba dan penindasan	Berasaskan unsur-unsur riba dan penindasan	Melaksanakan syariat Islam dalam urusan perniagaan	Melaksanakan sistem ekonomi dan kewangan berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis	Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan kepada masyarakat seperti bersedekah, menderma dan sebagainya	Lebih mengutamakan sematamata dan mengabaikan tanggungjawab sosial	Cara mendapatkan harta melalui muamalah Islam mestilah dengan cara yang halal dan sah di sisi hukum syarak	Usaha mendapatkan harta dilaksanakan dengan pelbagai cara tanpa mengira halal dan haram	Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.	Menjadikan harta sebagai matlamat hidup.	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>
Muamalah Islam	Muamalah Konvensional															
Tiada unsur-unsur riba dan penindasan	Berasaskan unsur-unsur riba dan penindasan															
Melaksanakan syariat Islam dalam urusan perniagaan	Melaksanakan sistem ekonomi dan kewangan berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis															
Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan kepada masyarakat seperti bersedekah, menderma dan sebagainya	Lebih mengutamakan sematamata dan mengabaikan tanggungjawab sosial															
Cara mendapatkan harta melalui muamalah Islam mestilah dengan cara yang halal dan sah di sisi hukum syarak	Usaha mendapatkan harta dilaksanakan dengan pelbagai cara tanpa mengira halal dan haram															
Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.	Menjadikan harta sebagai matlamat hidup.															
5	a	i	<p>Pengertian fatwa :</p> <p>- ialah keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan suatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa.</p>	<p>1 isi x 2 markah</p> <p>(2 markah)</p>												
		ii	<p>2 matlamat fatwa :</p> <p>P1 – Menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan cara yang terbaik berlandaskan al-Qur'an dan Al-Hadis</p> <p>P2 – Mengelakkan pertikaian dan perselisihan pendapat dalam masyarakat</p> <p>P3 – Memastikan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah S.W.T.</p>	<p>2 isi x 2markah</p> <p>(4 markah)</p>												
		iii	<p>4 contoh fatwa :</p> <p>P1 – Hukum bunuh kepada pengedar dadah</p> <p>P2 – Hukum haram pengklonan manusia</p> <p>P3 – Hukum harus menderma organ badan manusia</p> <p>P4 – Hukum harus bayi tabung uji daripada pasangan suami isteri yang sah</p>	<p>4 isi x 1 markah</p> <p>(4 markah)</p>												
	b		<p>2 hukuman bagi kesalahan takzir :</p> <p>P1 – Melalui nasihat/teguran kerana nasihat yang baik</p>	<p>2 isi x 2 markah</p>												

			<p>mampu untuk memperbaiki diri supaya tidak mengulangi segala perbuatan yang buruk/insaf atas kesilapan yang dilakukan.</p> <p>P2 – Ancaman /pemulauan supaya pesalah akan rasa terhina dan hidupnya bersendirian.</p> <p>P3 – Perisytiharan/ umumkan kepada orang ramai supaya penjenayah berasa malu untuk mengulangi kesalahan</p> <p>P4 – Denda/merampas harta penjenayah seperti membayar wang atau merampas harta yang dimiliki oleh penjenayah secara sah.</p> <p>P5 – Dikenakan hukuman sebat supaya penjenayah insaf daripada terus melakukan kesalahan/menakutkan orang lain supaya tidak terpengaruh dengan jenayah yang dilakukan .</p> <p>P6 – Buang daerah supaya tersisih daripada keluarga dan masyarakat/memulakan hidup baru di tempat lain</p> <p>P7 – Penjara untuk mengelakkan perbuatan jenayah dilakukan secara berterusan/menginsafkan pesalah dan menakutkan orang lain.</p>	(4 markah)
		ii	<p>3 kepentingan taubat :</p> <p>P1 – Mendapat keampunan dan petunjuk daripada Allah</p> <p>P2 – Memperolehi kemenangan dan ketentaraman jiwa</p> <p>P3 – Sentiasa taat kepada perintah Allah contoh sentiasa Melakukan solat</p> <p>P4 – Melahirkan rasa bersalah dan penyesalan kepada penjenayah</p>	<p>3 isi x2 markah</p> <p>(6 markah)</p>
6	a	i	<p>Pengertian penyelesaian masalah menurut Islam :</p> <p>- Menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariah Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi,politik,sosial dan perundangan.</p>	<p>1 isi x2 markah</p> <p>(2 markah)</p>
		ii	<p>4 sumber penyelesaian masalah berasaskan Islam :</p> <p>P1 – Al-Qur'an</p> <p>P2 – Al- Hadis</p> <p>P3 – Al-Ijmak</p> <p>P4 – Al-Qias</p>	<p>4 isi x 1markah</p> <p>(4 markah)</p>
		iii	<p>Dua matlamat penyelesaian masalah :</p> <p>P1 – Menambah keyakinan dan keimanan seseorang</p>	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>

			<p>kepada Allah s.w.t.</p> <p>P2 – Memberikan ketenangan dalam kehidupan</p> <p>P3 – Membangkitkan semangat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh .</p> <p>P4 – Menegakkan keadilan dalam masyarakat</p> <p>P5 – Masyarakat dapat hidup dengan aman dan selesa</p> <p>P6 – Dapat memajukan negara dari segi ekonomi ,politik dan sosial.</p>	
	b	i	<p>2 punca manusia mencero bohi harta :</p> <p>P1 – Tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar</p> <p>P2 – Terpengaruh dengan kemewahan dunia dan sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mendapatkan kemewahan hidup</p> <p>P3 – Wujudnya perasaan tamakk dan ingin cepat kaya tanpa melakukan usaha yang lebih</p>	<p>2 isi x 2 markah</p> <p>(4 markah)</p>
		ii	<p>3 kesan melarang mencero boh harta orang lain :</p> <p>P1 – Masyarakat hidup dalam keadaan aman dan harmoni/mereka tidak bimbang kan keselamatan harta-benda mereka dicerobo hi oleh orang lain</p> <p>P2 – Perpaduan dan hubungan antara anggota masyarakat menjadi lebih erat dan bersatu-padu</p> <p>P3 – Masyarakat bebas mencari dan memiliki harta tanpa berasa takut.</p> <p>P4 – Kehidupan orang miskin dan yang kurang bernasib baik akan terbela</p>	<p>3 isi x 2 markah</p> <p>(6 markah)</p>
7	a		<p>2 cara mewujudkan jati diri ummah :</p> <p>P1 – Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran seperti ilmu keduniaan</p> <p>P2 – Melalui perancangan yang kemas seperti mengadakan taqwim tahunan</p> <p>P3 – Melalui penggunaan sumber tenaga yang betul dan berkesan</p>	<p>2 isi x2 markah</p> <p>(4 markah)</p>
	b		<p>3 punca berlakunya masalah perpecahan umat</p> <p>P1 – Kelemahan iman dan taqwa kepada Allah</p> <p>P2 – Kurang kesedaran tentang pentingnya perpaduan</p> <p>P3 – Lemah dalam pengurusan ilmu sains dan teknologi</p> <p>P4 – Tiada kesedaran untuk mempertahankan Islam dan</p>	<p>3 isi x2 markah</p> <p>(6 markah)</p>

			umat Islam P5 – Leka dengan kemewahan hidup	
	c	i	4 contoh makruh : P1 – Perkara yang makruh dalam makanan/ makan petai/ bawang mentah dll P2 – Merokok P3 – Perkara-perkara makruh dalam ibadat/ambil wudhu' lebih daripada 3 X. P4 – Tidur berlebihan (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	4 isi x 1 markah (4 markah)
	d		3 cara meningkatkan kualiti ibadat : P1 – Mengingati Allah semasa melakukan pekerjaan seperti sentiasa menjaga batasan halal dan haram dalam memperolehi harta. P2 – Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat supaya mencapai kesempurnaan ibadat P3 – Mendampingi orang-orang berilmu dan soleh dengan mengikut segala amalan mereka. P4 – Ibadat yang dilakukan mestilah dengan tenang dan sabar biarpun menghadapi kesusahan dan cabaran. P5 – Melakukan ibadat secara berterusan contoh memakai pakaian menutup aurat mestilah dilakukan secara berterusan walau di mana berada.	3 isi x 2markah (6 markah)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT